

**PERATURAN PEMARKAHAN
BAHASA MELAYU KERTAS 2 [1103/2]**

Markah penuh : 110 markah

Soalan 1

Markah penuh 30 dibahagi kepada:

- (a) Isi - **20** markah
(b) Bahasa - **10** markah

(a) **Isi** [20 markah]

Nota:

(i) Panduan mengira perkataan.

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:

- nama khas
- perkataan berulang
- penggunaan kata sendi di dan ke
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- gelaran

(ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.

(iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.

(iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

| Bahagian | Markah | | | | | | | | | | Markah |
|-------------------------|----------------------|----|----|---|---|---|----|----|----|-----------|-----------|
| (i) Pendahuluan | | | | | | | | | | | 2 |
| (ii) Isi Tersurat | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 | 10 | 11 | 12 | 16 | |
| (iii) Isi Tersirat | 12 | 11 | 10 | 9 | 8 | 7 | 6 | 5 | 4 | | |
| (iv) Penutup/Kesimpulan | | | | | | | | | | | 2 |
| | Jumlah Markah | | | | | | | | | | 20 |

Soalan 1 : Rumusan**Pendahuluan:**

- P1 Petikan membincangkan **kebaikan-kebaikan / faedah-faedah / manfaat-manfaat** permainan e-sukan kepada remaja di negara kita. 2
- P2 Petikan membincangkan **kebaikan-kebaikan / faedah-faedah / manfaat-manfaat** permainan e-sukan kepada remaja dan persepsi masyarakat yang menganggap e-sukan tidak mendatangkan faedah. 2
- P3 Rumusan membincangkan **kebaikan-kebaikan / faedah-faedah / manfaat-manfaat** permainan e-sukan kepada remaja dan usaha-usaha untuk memajukannya. 2
- P4 **Petikan** membincangkan **kebaikan-kebaikan / faedah-faedah / manfaat-manfaat** permainan e-sukan kepada remaja dan usaha-usaha untuk memajukannya 1
- P5 Petikan / rumusan membincangkan **kebaikan-kebaikan / faedah-faedah / manfaat-manfaat** permainan e-sukan kepada remaja. 1
- P6 Petikan / rumusan membincangkan **kepentingan-kepentingan** permainan e-sukan kepada remaja. 0

Isi tersurat:

- S1 mempunyai kemahiran kognitif yang tinggi 2
- S2 berkemahiran untuk **menyelesaikan masalah** dan **berfikiran kolektif** serta **kreatif** – 2
MESTI ADA SEMUA ELEMEN INI
- S3 memupuk **nilai kerjasama** dan **sikap tidak mudah berputus asa** dalam mengharungi 2
permainan – **MESTI ADA DUA ELEMEN INI**
- S4 **sebagai platform** untuk memacu negara ke arah yang lebih maju 2
- S5 para pemain dapat memperluas jaringan sosial **para pemain** 2
- S6 para pemain e-sukan ini mempunyai komuniti yang **begitu besar** 2
- S7 dapat mempelajari pelbagai budaya dan bahasa **yang terdapat di seluruh dunia** 2
- S8 dapat menambah baik kualiti penglihatan mereka 2

HURUF TEBAL WAJIB ADA DALAM JAWAPAN CALON**Isi tersirat:**

- T1 Kerajaan mengadakan pertandingan permainan e-sukan di semua peringkat 2
- T2 Kerajaan menyediakan insentif kepada penganjur e-sukan 2
- T3 Kerajaan menyediakan pelbagai kemudahan berkaitan e-sukan 2
- T4 Pihak sekolah memperkenalkan permainan e-sukan kepada semua pelajar 2
- T5 Permainan e-sukan dijadikan acara sukan tahunan di sekolah 2
- T6 Ibu bapa menggalakkan anak-anak menyertai e-sukan 2

Kesimpulan:

- K1 Kesimpulannya semua pihak perlulah menggalakkan penglibatan remaja dalam 2
permainan e-sukan agar sukan ini dapat dikembangkan di negara kita.
- K2 Kesimpulannya semua pihak perlulah menggalakkan penglibatan remaja dalam 1
permainan e-sukan.

[Lihat halaman sebelah

(b) **Bahasa** [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut:

| Peringkat | Markah Isi | Markah Bahasa | Huraian |
|-----------|--------------------|-----------------|--|
| Baik | 18 - 20 15 - 17 | 9 - 10 7 - 9 | <ul style="list-style-type: none"> - Kesenambungan isi baik - Struktur ayat/tatabahasa baik - Kosa kata luas - Tanda bacaan/ejaan betul |
| Sederhana | 12 - 14 8 - 11 | 6 - 7 4 - 6 | <ul style="list-style-type: none"> - Kesenambungan isi masih baik - Struktur ayat/tatabahasa masih memuaskan - Kosa kata masih memuaskan - Tanda bacaan/ejaan juga memuaskan |
| Lemah | 1 - 7 | 1 - 4 | <ul style="list-style-type: none"> - Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/tidak memuaskan |

Nota

- (i) Jika bahasanya agak baik, **tambah 1 markah** lagi.
- (ii) Jika bahasanya kurang memuaskan, **tolak 1 markah**.
- (iii) Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat, walaupun jumlah perkataan **kurang daripada 120** patah perkataan, berikan **0 markah**.
- (iv) Jika rumusan **kurang daripada 120** patah perkataan, **markah tidak dipotong**.
[Markah bahasa **maksimum : 10 markah**]

Soalan 2

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

| | | |
|--------------|---|-----------------|
| Soalan 2(a) | : | 9 markah |
| Soalan 2(b) | : | 9 markah |
| Soalan 2(c) | : | 8 markah |
| Soalan 2 (d) | : | 9 markah |

Perhatian bagi Soalan 2(a) hingga Soalan 2(d)

1. Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**.
2. Jawapan hendaklah dalam **ayat yang lengkap/sepurna**.
3. Jika **disalin bulat-bulat** daripada teks dan jawapan itu **betul, berikan separuh (50%)** daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

i. Soalan 2 markah:

| DESKRIPSI | MARKAH |
|--|--------|
| – Jawapan tepat mengikut konteks/isi cukup dan ayat gramatis | 2 |
| – Jawapan kurang tepat/isi tidak cukup | 1 |
| – Jawapan tidak tepat/salah | 0 |

ii. Soalan 3 markah:

| DESKRIPSI | MARKAH |
|--|--------|
| – Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis | 3 |
| – Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis – Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat gramatis | 2 |
| – Isi tidak cukup/kurang lengkap dan ayat kurang gramatis | 1 |
| – Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis | 0 |

iii. Soalan 4 markah:

| DESKRIPSI | MARKAH |
|--|--------|
| – Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis | 4 |
| – Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis | 3 |
| – Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis | 2 |
| – Isi tidak cukup/kurang lengkap dan ayat kurang gramatis | 1 |
| – Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis | 0 |

Soalan 2(a) : Petikan Umum

(i) Maksud rangkai kata *mempunyai ketajaman minda*

- memiliki kecerdasan fikiran 2
- mempunyai kecerdasan fikiran 1
- memiliki ketajaman minda 1

[Maksimum 2 markah]

(ii) **Persepsi-persepsi**

- P1 permainan ini membuang masa
P2 melalaikan golongan muda sehingga mengabaikan pelajaran.
P3 permainan ini tidak menyihatkan badan kerana para pemain tidak melakukan pergerakan yang banyak berbanding permainan sukan tradisi

[Maksimum 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(iii) **Impak-impak**

- P1 permainan tradisional semakin terpinggir / tidak popular
P2 golongan muda semakin tidak mengenali permainan tradisional
P3 permainan tradisional akan terkubur / pupus
P4 masyarakat kini tidak pandai untuk bermain permainan tradisional
P5 masyarakat menganggap permainan tradisional sesuatu yang kolot / ketinggalan zaman
P6 masyarakat akan berasa malu untuk bermain permainan tradisional

[Maksimum 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

Soalan 2 (b) – Petikan Cerpen**(i) Punca-punca**

- P1 – tulang selangkanya patah riuk
 P2 – diheret kereta sejauh dua meter di tar keras

Maksimum: 2 markah
Isi cukup: 2 isi

(ii) Tindakan majikan

- P1 – memberikan bonus tahunan
 P2 – memberikan hadiah kecemerlangan (APC)
 P3 – memberikan kenaikan gaji
 P4 – memberikan kenaikan pangkat

Maksimum: 3 markah
Isi cukup: 2 isi

(iii) Latar masyarakat dalam petikan

- P1 **Masyarakat yang prihatin.** Doktor Murni dan Nusia berasa sedih terhadap pesakit lain yang tidak diberi pek darah.
 P2 **Masyarakat yang membezakan darjat dan pangkat seseorang.** Profesor Doktor Junaidi mengutamakan Tuan Musa yang tiada harapan sembuh diberi 50 pek darah sedangkan pesakit lain dinafikan hak mereka.
 P3 **Masyarakat yang membazir.** 50 pek darah dimasukkan ke tubuh Tuan Besar Musa keluar semula tanpa sebarang kepentingan.
 P4 **Masyarakat yang mematuhi arahan pihak atasan.** Doktor Murni akur dengan arahan Profesor Doktor Junaidi supaya mengutamakan Tuan Besar Musa dengan membekalkan 50 pek darah walaupun masih ada pesakit lain yang amat memerlukannya.

Maksimum: 2 markah
Isi cukup : 1 isi+1 huraian

Latar masyarakat dalam keseluruhan cerpen

- K1 **Masyarakat yang mementingkan diri sendiri dan wang.** Profesor Doktor Junaidi bersungguh-sungguh memberikan rawatan istimewa kepada Tuan Besar Musa kerana memberi dana kepada kelab elit hospitalnya.
 K2 **Masyarakat pesakit yang teraniaya dan dinafikan hak mereka.** Solehan dan Al-Hafiz tidak diberi layanan yang sepatutnya, Solehan masih koma dan Al-Hafiz tidak dapat bergerak akibat kaki patah riuk.
 K3 **Masyarakat yang berani.** Nusia membantah cara pihak hospital menguruskan bekalan darah di bank darah tempatnya bertugas.
 K4 **Masyarakat yang penyayang.** Nusia melayang semua pesakit di wad Unit Rawatan Rapi tanpa membezakan kedudukan mereka.
 K5 **Masyarakat yang bekerjasama demi kebaikan umum.** Doktor Murni dan Nusia bekerjasama dalam memberi pendapat untuk menyelesaikan Masalah dengan menggantikan darah kepada gelafundin yang mempunyai kandungan seakan-akan darah.

Maksimum: 2 markah
Isi cukup : 1 isi+1 huraian

Soalan 2(c) : Petikan Prosa Tradisional

(i) Sebab-sebab Patih Gajah Mada memanggil Kertala Sari menghadap beliau;

- P1 menyampaikan pesan bapa kertala sari agar beliau mengasihi anaknya / kertala sari.
- P2 memberitahu kertala sari bahawa bapanya meninggal dunia semasa menjalankan tugas seri betara / betara majapahit.
- P3 memberitahu bahawa kertala sari hendak dijadikan penggawa agung.

Markah maksimum: 2 markah
Isi cukup : 2 isi

(ii) Janji-janji Kertala Sari Kepada Patih Gajah Mada;

- P1 jika belum / tidak dapat membunuh ratu melaka / raja melaka.
- P2 jika belum / tidak dapat membunuh laksamana.
- P3 jika gagal beliau tidak akan menjadi penggawa.

Markah maksimum : 3 markah
Isi cukup : 2 isi

(iii) Usaha-usaha yang perlu anda lakukan untuk mengelakkan pertumpahan darah

- P1 mencari orang tengah yang boleh menyelesaikan permusuhan tersebut.
- P2 berjumpa / meminta laksamana membayar ganti rugi kepada kertala sari.
- P3 meminta laksamana meminta maaf kepada kertala sari.
- P4 berjumpa dengan raja / kerajaan yang lebih kuat seperti cina / siam supaya dapat menyelesaikan kemelut tersebut.

Markah maksimum : 3 markah
Isi cukup : 2 isi

Soalan 2 (d) – Sajak

- | (i) Maksud rangkai kata <i>mengenang dosaku</i> | Markah |
|--|--------|
| - mengingati / teringat / terfikir / menyedari kesalahan / kesilapan / keterlanjuran / saya / diri | 2 |
| - mengingati / teringat / terfikir / menyedari dosaku | 1 |
| - mengenang kesalahan / kesilapan / keterlanjuran / saya / diri | 1 |
| [Maksimum 2 markah] | |

(ii) **Langkah-langkah yang boleh anda lakukan untuk mengajak rakan-rakan agar meninggalkan perangai buruk mereka**

- P1 menunjukkan contoh/teladan yang baik kepada mereka
 P2 mengajak mereka menyertai aktiviti berfaedah di sekolah
 P3 mengajak mereka mendapatkan khidmat guru kaunseling
 P4 memberi mereka perangsang/kata-kata semangat
 P5 mengingatkan mereka tentang kesan buruk jika terus berkelakuan buruk.
 P6 memberitahu ibu bapa/penjaga mereka
 P7 melaporkan tingkah laku mereka kepada pihak polis jika berterusan melakukan kesalahan

[Maksimum 3 markah]
[Isi cukup : 2 isi]

| (iii) Nilai dalam sajak | Markah |
|-------------------------|--------|
|-------------------------|--------|

- | | |
|--|-----|
| P1 Nilai keinsafan. Contohnya, penyajak menginsafi segala dosanya yang lalu. | 1+1 |
| P2 Nilai kegigihan. Contohnya penyajak gigih dan bersungguh-sungguh untuk mendapatkan keampunan sebelum ajalnya tiba. | 1+1 |
| P3 Nilai keikhlasan. Contohnya, penyajak bertaubat dengan penuh keikhlasan sehingga menitiskan air mata. | 1+1 |
| P4 Nilai ketaatan. Contohnya, penyajak taat kepada Pencipta dan hanya berharap kepada pengampunan daripada Pencipta | 1+1 |
| P5 Nilai kesedaran. Contohnya, penyajak mempunyai kesedaran bahawa dunia ini sementara sahaja. | 1+1 |

[Maksimum 4 markah]
[Isi cukup : 2 isi]

SOALAN 3

Markah penuh **30** markah dibahagikan kepada:

- Soalan 3 (a) : **6** markah
- Soalan 3 (b) : **6** markah
- Soalan 3 (c) : **6** markah
- Soalan 3 (d) : **6** markah
- Soalan 3 (e) : **6** markah

Perhatian bagi soalan 3 (a)

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Frasa digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Frasa digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Sengaja menambahkan imbuhan, berikan 0 markah.
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak ½ markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua frasa digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Isi tidak jelas, tolak ½ markah.

[Maksimum : 6 markah]

Skema jawapan 3 a

| | | |
|-----|---------------|--|
| i | dedalu | Tumbuhan (pokok), dalu-dalu; semua jenis pokok menumpang |
| ii | jejari | 1. bilah besi yang menghubungkan pusat roda dengan rim, terutamanya basikal: ~ basikal; 2. garis lurus dari pusat ke keliling bulatan |
| iii | karut-marut | sangat kacau (fikiran, hati), sangat kusut, tidak tentu hala |
| iv | dentam-dentum | bunyi dentam yang berulang-ulang |
| v | beli-belah | membeli berbagai-bagai barang |
| vi | tari-menari | bermacam-macam tari |

Skema jawapan 3 b

| | |
|-----|---------|
| i | FN + FS |
| ii | FN + FA |
| iii | FN + FK |
| iv | FN + FN |
| v | FN + FK |
| vi | FN + FS |

Skema jawapan 3 c

| | Kesalahan | Pembetulan |
|-----|---------------------------|---------------------------|
| i | snooker menjalani | snuker menjalankan |
| ii | ditangguhkan olah raga | menangguhkan olahraga |
| iii | segitiga mendatang | segi tiga mendatangkan |

Skema jawapan 3 d

| | Kesalahan | Pembetulan |
|-----|---------------------------------|---|
| i | membacakan Semua murid-murid | menyampaikan Semua murid / murid-murid |
| ii | inspirasi di | aspirasi pada |
| iii | pengamal dikagumi oleh saya | pegawai saya kagumi |

Skema jawapan 3 e

- i Mendidik anak biarlah semasa kecil lagi
- ii Kesilapan yang dilakukan oleh seseorang menyebabkan orang lain yang menerima akibatnya
- iii Berfikir dengan bersungguh-sungguh

Soalan 4

[15 markah]

Panduan pemarkahan bagi Soalan 4

4(a)

- (i) Jawapan hendaklah berdasarkan **sebuah** daripada novel yang dipelajari.
- (ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat lengkap.
- (iii) Berikan 1 markah untuk pernyataan persoalan keberanian yang lengkap/jelas.
- (iv) Berikan 1 markah untuk huraian persoalan keberanian yang lengkap/jelas.
- (v) Markah isi maksimum 4 markah.
- (vi) Markah bahasa maksimum 3 markah.

[**Maksimum : 7 markah**]

4 (b)

- (i) Jawapan hendaklah berdasarkan **dua buah** novel yang dipelajari.
- (ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat lengkap.
- (iii) Berikan 1 markah untuk pernyataan keistimewaan watak utama yang lengkap / jelas.
- (iv) Berikan 2 markah untuk huraian keistimewaan watak utama / sebab menimbulkan perasaan kagum yang lengkap / jelas.
- (v) Markah isi maksimum 6 markah.
- (vi) Markah bahasa maksimum 2 markah.

[**Maksimum : 8 markah**]

- 4(a) Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, huraikan **dua** persoalan keberanian bagi setiap novel tersebut.

Novel Pantai Kasih

1. Persoalan keberanian mempertahankan pendirian

- Doktor Raiha / Raiha berani mempertahankan pendiriannya dengan mengatakan bahawa kematian anak perempuannya adalah disebabkan oleh suaminya, Doktor Sadiz meskipun keputusan mahkamah mengatakan sebaliknya.
- Doktor Raiha berani mempertahankan pendiriannya tidak mahu mengugurkan kandungannya yang tidak normal walaupun didesak oleh suaminya, Doktor Sadiz.

2. Persoalan keberanian menegur sikap negatif rakan sejawat

- Raiha berani mempertikaikan sikap Doktor Uwang hanya mahu mengambil kesempatan ke atas pesakitnya dan tidak memperdulikan kebajikan dan keselamatan mereka. Raiha juga memanggil Felicia Landosi ke biliknya untuk memberikan nasihat kerana Felicia Landosi bersikap kasar terhadap pesakit.

3. Persoalan keberanian dalam mengambil tanggungjawab

- Doktor Raiha berani melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan kepadanya dengan melakukan pembedahan kali keenam penggantian tulang pinggul Unong Siron walaupun Raiha berpendapat hanya Doktor Uwang yang layak melakukan pembedahan itu.

4. Persoalan keberanian mempertahankan pendirian

- Doktor Raiha berani mempertahankan pendiriannya dengan mengatakan bahawa kematian anak perempuannya adalah disebabkan oleh suaminya, Doktor Sadiz meskipun keputusan mahkamah mengatakan sebaliknya.

5. Persoalan keberanian mempertahankan hak

- Ibu Unong Siron berani mempertikaikan rawatan yang diberikan oleh Doktor Uwang kepada anaknya, Unong Siron dengan mengatakan Doktor Uwang hanya mahu mengambil kesempatan ke atas mereka dan tidak memperdulikan kebajikan dan keselamatan anaknya.

6. Persoalan keberanian dalam mengambil tanggungjawab.

- Doktor Raiha berani melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan kepadanya dengan melakukan pembedahan kali keenam penggantian tulang pinggul Unong Siron walaupun Raiha berpendapat hanya Doktor Uwang yang layak melakukan pembedahan itu.

7. Persoalan keberanian mengakui kesalahan diri

- Felicia Landosi berani mengakui kesalahannya yang turut terlibat dalam peristiwa kematian Rohayu setelah sekian lama menyimpan rahsia. Felicia Landosi meminta maaf kepada Raiha akan kesalahannya itu.

8. Persoalan keberanian menyelamatkan anak kesayangan

- Raiha melarikan anak kesayangannya, Rohayu yang ingin dihantar ke pusat rawatan khas bagi kanak-kanak yang menghidap sindrom down kerana niat suaminya itu untuk memisahkan Rohayu daripadanya.

9. Persoalan keberanian memperjuangkan cita-cita

- Raiha berani memperjuangkan cita-citanya menjadi doktor bedah walaupun dibantah oleh bapanya yang menanggap kerjaya tersebut tidak sesuai dengan Raiha. Raiha juga tetap berkahwin dengan Doktor Sadiz walaupun dibantah oleh bapanya.

[Lihat halaman sebelah

10. Nilai keberanian menyelesaikan masalah penceroboh

- Raiha berani berhadapan dengan doktor palsu yang menceroboh Pusat Rawatan Pantai Kasih (PRPK). Dalam saat getir tersebut Raiha berani mengawal situasi cemas dan berusaha memastikan Felicia Landosi yang menjadi tebusan tidak dcederakan oleh penceroboh tersebut. Dengan usaha dan keberanian Raiha dan ibu Unong Sirong, akhirnya penceroboh tersebut berjaya ditangkap.

Novel Bimasakti Menari**Watak utama – Nurul Hafsa****1. Persoalan keberanian dalam melestarikan alam sekitar**

- Nurul Hafsa berani berusaha mewujudkan Kawasan Simpan Langit Gelap Kuala Selangor dan mengekalkan populasi kelip-kelip di Kampung Kuantan walaupun terpaksa berhadapan dengan pelbagai cabaran terutama daripada Dato' Johann Arlington-Majid yang berasa perniagaannya terganggu sehingga mengupah penjenayah untuk menculiknya.

2. Persoalan keberanian menghadapi ancaman penjenayah

- Nurul Hafsa berani menghadapi kekejaman penculik yang diupah oleh Dato' Johann Arlington-Majid demi menggagalkan usahanya mewujudkan Kawasan Langit Gelap di Kuala Selangor. Nurul Hafsa diculik sebagai galang ganti untuk mendapatkan Muhammad Taufik, anak kepada Tan Sri Muhaimin yang menjadi musuh peribadi dan perniagaan Dato' Johann Arlington-Majid. Selepas dibebaskan, Nurul Hafsa membuat laporan polis dan Muhammad Taufik berjaya diselamatkan.

3. Persoalan keberanian menuntut ilmu di negara asing

- Nurul Hafsa berani menuntut ilmu dalam bidang Falak dan Fizik di luar negara iaitu Jordan selama empat tahun walaupun dia seorang gadis dan tidak pernah ke luar Negara sebelum itu. Dia berjaya menamatkan pengajian dan kembali ke Malaysia untuk bertugas di Balai Cerap Sultan Salahuddin, Kuala Selangor.

4. Persoalan keberanian dalam mengambil keputusan

- Nurul Hafsa berani mengambil keputusan menyusuri sungai di Kampung Kuantan untuk melihat populasi kelip-kelip yang dikatakan telah pupus oleh Utada tanpa ditemani oleh Budiman dan Muhammad Taufik. Ayahnya, Haji Yassin hanya menghantar Nurul Hafsa di jeti Kampung Kuantan.

5. Persoalan keberanian mempertahankan pendapat / hujah

- Nurul Hafsa berani mempertahankan hujah dan menjawab soalan yang tidak putus-putus daripada Dato' Johann Arlington-Majid ketika membentangkan laporannya untuk mewujudkan Kawasan Simpan Langit Gelap Kuala Selangor di hadapan Menteri Besar, ahli akademik, pencinta alam, dan usahawan teknologi hijau.

6. Persoalan keberanian memberi harapan / berjanji kepada orang lain

- Nurul Hafsa berani berjanji dengan Puan Maryam Wickham Abdulah yang dia akan membawa bintang-bintang ke langit Kuala Selangor kembali walaupun Puan Maryam Wickham Abdullah tidak yakin dengan janji yang dibuat oleh Nurul Hafsa.

[Lihat halaman sebelah

7. Persoalan keberanian membuat laporan kegiatan jenayah

- Nurul Hafsa membuat laporan polis tentang kes penculikan dirinya dan Muhammad Taufik oleh orang suruhan Dato' Johann Arlington-Majid.sebaik sahaja dia dibebaskan oleh penculik,

8. Persoalan keberanian memberikan cadangan kepada pegawai atasan

- Nuruf Hafsa membuat kajian dan menghantar laporan tentang tahap kecerahan langit di Kuala Selangor kepada Majlis Daerah Kuala Selangor untuk diambil tindakan selanjutnya.

9. Persoalan keberanian membuat keputusan penting dalam hidup / berani menerima lamaran sebagai seorang isteri

- Tanpa berfikir panjang, Nurul Hafsa bersetuju menerima lamaran Muhammad Taufik ketika rakan seperjuangannya itu menyatakan hasrat untuk menjadikannya isteri sebaik sahaja majlis kesyukuran pernikahan kali kedua ibu bapa Muhammad Taufik di Masjid Jamik Sultan Ibrahim Kuala Selangor selesai.

(*Terima mana-mana persoalan keberanian lain yang sesuai*)

4(b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, huraikan **satu** keistimewaan watak utama sehingga menimbulkan perasaan kagum dalam diri pembaca.

Novel Pantai Kasih

Watak Utama – **Doktor Raiha**

• **Seorang yang tegas dalam membuat keputusan**

Pembaca berasa kagum kerana Doktor Raiha tetap menjadi pakar bedah dan berkahwin dengan Doktor Sadiz meskipun tidak direstui oleh ayahnya. Dia juga tetap meneruskan kandungannya walaupun tindakannya itu ditentang oleh suaminya.

• **Seorang yang amanah**

Pembaca berasa kagum kerana Doktor Raiha tetap melakukan pembedahan penggantian tulang pinggul terhadap Unong Siron atas arahan Doktor Uwang walaupun berpendapat bahawa hanya Doktor Uwang yang lebih layak melakukan pembedahan itu.

• **Seorang yang bertanggungjawab**

Pembaca berasa kagum kerana Doktor Raiha menjalankan tugasnya dengan penuh tanggungjawab dan dedikasi. Doktor Raiha melakukan pembedahan kecemasan terhadap Doktor Uwang yang kritikal setelah terlibat dalam kemalangan.

• **Seorang yang penyayang**

Pembaca berasa kagum kerana Doktor Raiha amat menyayangi anaknya walaupun anak itu tidak normal. Dia sanggup melarikan anaknya daripada suaminya kerana tidak rela anaknya itu di hantar ke pusat rawatan khas bagi kanak-kanak Sindrom Down.

• **Seorang yang prihatin / simpati / belas kasihan terhadap orang lain**

Pembaca berasa kagum kerana Doktor Raiha prihatin akan nasib Unong Siron yang terpaksa menjalani pembedahan sebanyak enam kali pada bahagian badannya yang sama. Dia juga prihatin akan ibu Unong Siron yang bersedih atas nasib yang menimpa anaknya itu. Selain itu, Doktor Raiha pernah menghantar Felicia pulang ke rumah kerana pada masa itu Felicia belum mampu memiliki kereta sendiri.

[*Lihat halaman sebelah*

- **Seorang yang tabah menghadapi cabaran dan dugaan hidup**
Pembaca berasa kagum kerana Doktor Raiha tabah menghadapi pelbagai cabaran dalam usaha untuk melupakan kenangan pahit yang mengorbankan anak kesayangannya dan peristiwa hitam yang membawa kehancuran rumah tangganya bersama-sama Doktor Sadiz.
- **Seorang yang reda dengan ketentuan Tuhan**
Pembaca berasa kagum kerana Doktor Raiha reda menerima kematian Ayu sebagai satu ketentuan takdir dan berdoa agar Allah memberikan kekuatan kepadanya.
- **Seorang yang pemaaf.**
Pembaca berasa kagum kerana Doktor Raiha memaafkan kesalahan Felicia yang terlibat secara tidak langsung dalam tragedi yang menjadi punca kematian Ayu apabila Felicia telah sedar dan insaf akan kesilapan yang dilakukannya.

Novel Bimasakti Menari

Watak Utama – **Nurul Hafsa**

- **Seorang yang cinta akan alam sekitar**
Pembaca berasa kagum kerana Nurul Hafsa berusaha mengatasi masalah pencemaran cahaya di Kuala Selangor yang memberi kesan buruk kepada aktiviti pencerapan bintang dan pupulasi kelip-kelip di Kampung Kuantan.
- **Seorang yang tabah**
Pembaca berasa kagum kerana Nurul Hafsa tabah menghadapi pelbagai cabaran dalam usaha menjadikan Kuala Selangor sebagai Kawasan Simpan Langit Gelap.
- **Seorang yang bijaksana**
Pembaca berasa kagum kerana Nurul Hafsa bijak mematahkan hujah Dato' Johnn Arlington-Majid sewaktu membentangkan projek Kawasan Simpan Langit Gelap Kuala Selangor di hadapan Menteri Besar.
- **Seorang yang gigih**
Pembaca berasa kagum kerana Nurul Hafsa gigih dalam merealisasikan impiannya menjadikan Kuala Selangor sebagai Kawasan Simpan Langit Gelap bagi tujuan pencerapan bintang dan pengekalan pupulasi kelip-kelip. Nurul Hafsa juga gigih dalam usaha mengotakan janjinya kepada 15 orang pelajar cilik dari negara Jepun yang ingin melihat bintang.
- **Seorang yang bersyukur**
Pembaca berasa kagum kerana Nurul Hafsa bersyukur kepada Tuhan kerana dia tidak dcederakan oleh penjenayah ketika diculik dan dijadikan orang tawanan.

(*Terima mana-mana keistimewaan watak utama lain yang sesuai*)

SKEMA PEMARKAHAN TAMAT